

05 JUL 2004

Nik Aziz-tawaran

NIK AZIZ TAWAR KELANTAN JADI "PUSAT AGAMA ISLAM"

KOTA BAHARU, 6 Julai (Bernama) -- Kerajaan Kelantan membuat tawaran kepada kerajaan pusat untuk bekerjasama bagi menjadikan negeri itu "pusat agama Islam" di negara ini.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata bagi mencapai matlamat itu kerajaan pusat perlu menyambung balik bantuan kewangan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) bagi membolehkan pengajian agama Islam berkembang.

Bercakap kepada pemberita di sini, Nik Aziz berkata beliau sanggup untuk bertemu dan berunding dengan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi mencapai hasrat itu.

Awal tahun lepas, kerajaan pusat menghentikan bantuan sebanyak RM60 bagi setiap pelajar SAR setelah ia mendapati sekolah-sekolah itu, yang banyak terdapat di Kelantan, dipergunakan oleh parti politik untuk menyemai sikap agresif dan membenci umat Islam yang berlainan fahaman politik.

Tun Dr Mahathir Mohamad, yang ketika itu menjadi Perdana Menteri, berkata kerajaan pusat sebaliknya akan mempertingkatkan pelajaran agama Islam di sekolah kebangsaan dan institusi lain yang dibiayai kerajaan.

Nik Aziz, yang juga Mursyidul Am PAS, berkata usaha menyambung semula bantuan kewangan kepada SAR, termasuk di negeri-negeri lain, dapat mengembalikan kecemerlangan pendidikan agama Islam di kalangan masyarakat.

Merujuk kepada usaha menjalin hubungan dengan kerajaan pusat, Nik Aziz berkata beliau masih berharap supaya Abdullah dapat membuat lawatan rasmi ke Kelantan.

-- BERNAMA

RAR MAI